



Diembargo sehingga  
11.00 pagi, Sabtu, 6 Mei 2017

## **MAJLIS PELANTIKAN RAKAN BAHASA 2017**

Sebanyak 161 orang pelajar-pelajar Bahasa Melayu dari 81 buah sekolah telah dilantik sebagai Rakan Bahasa di satu majlis pelantikan yang berlangsung pagi tadi. Sijil-sijil pelantikan Rakan Bahasa telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Setiausaha Parlimen Kanan (MOE dan MSF) dan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu, Singapura.

Dalam ucapan beliau, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim mengucapkan tahniah kepada para pelajar dan menggalakkan mereka agar terus menyebarkan rasa cinta mereka terhadap bahasa Melayu dan juga untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Melayu di sekolah masing-masing.

Mengulas lebih lanjut mengenai harapan untuk Rakan-rakan Bahasa tahun ini, Encik Farizan Md Amin, Cik Nur Fa'izah Matnoor dan Encik Asri Sunawan (Riz), ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa 2017 mengumumkan beberapa acara dan aktiviti yang dirancangkan untuk para Rakan Bahasa yang baru dilantik itu. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar membina kemahiran-kemahiran hidup supaya mereka boleh mempamerkan rasa cinta mereka terhadap budaya dan warisan Melayu.

### **1. Ceramah dan Bengkel Pengayaan**

Sesi latihan telah dikendalikan oleh Duta Bahasa, Encik Asri Sunawan (Riz) dan Megat Muhammad Firdaus semasa majlis pelantikan pagi tadi. Encik Megat telah berkongsi dengan para pelajar pelbagai tip yang baik mengenai cara penyampaian. Encik Riz pula telah memberikan pelbagai tip menulis dan berkongsi cara bahasa Melayu boleh membuka peluang dalam kerjaya seseorang.

Lebih banyak lagi sesi latihan bersama Duta Bahasa yang lain dan para juruhebah Ria89.7FM akan diadakan di sekolah-sekolah sepanjang tahun ini untuk memperkasa para pelajar dengan lebih banyak kemahiran hidup yang penting.



## **2. Peranan sebagai Pemandu Pengunjung semasa Pelancaran Bulan Bahasa**

Para Rakan Bahasa akan berpeluang untuk mengasah dan menunjukkan kebolehan penyampaian dan berbahasa Melayu mereka pada hujung minggu Pelancaran Bulan Bahasa di Muzium Taman Warisan Melayu. Pelajar-pelajar akan memainkan peranan sebagai penyambut tamu atau pemandu sambil memperkenalkan keindahan bahasa dan budaya Melayu kepada semua para tetamu yang hadir pada hujung minggu itu.

## **3. Mengacarkan atau melaporkan acara-acara di sekolah dalam Bahasa Melayu**

Semua Rakan Bahasa digalakkan untuk menganjurkan acara berkaitan dengan bahasa Melayu di sekolah mereka dengan sokongan para guru. Hal ini membolehkan mereka berkongsi ekspresi kreatif mereka. Pada masa yang sama, mereka dapat menggunakan bahasa Melayu ketika menyampaikan maklumat budaya Melayu kepada rakan-rakan mereka. Para pelajar juga digalakkan untuk membuat liputan bagi acara-acara sekolah ini supaya idea dan maklumat dapat dikongsi dengan masyarakat. Laporan media seperti ini boleh dihasilkan melalui program dan aplikasi 'NewsMaker' yang ditaja oleh rakan kongsi Bulan Bahasa, Moo-O, untuk kesemua Rakan Bahasa tahun ini.

### **Mengenai Bulan Bahasa**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu, Singapura, sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Sebagai pewaris bahasa Melayu, masyarakat perlu berusaha untuk memastikan bahasa Melayu dilestarikan menerusi penggunaan yang berterusan. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan penggunaan dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu

Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu, Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).